Penimbang Pikul 4 & 6 kaki

6-Foot-Long Picul Scale



Penimbang pikul (1 pikul bersamaan 60.478982 kilogram) sepanjang 4 & 6 kaki ini diperbuat daripada batang kayu keras yang panjang dan bertatahkan tanda ukuran tembaga. Cara penggunaannya ialah batang diletakkan di atas bahu secara melintang untuk berfungsi sebagai fulkrum. Cangkuk besar di bahagian hujung digunakan untuk menggantung barang yang hendak ditimbang dan pemberat digantung pada cangkuk yang lain. Berat barangan akan ditentukan selepas membaca tanda ukuran tembaga pada batang. Instrumen timbang pikul ini digunakan untuk menimbang bahan komoditi seperti kopi dan beras. Ukuran pikul atau picul merupakan unit ukuran yang signifikan ketika pendudukan imperialis seperti Portugis, Belanda dan kolonial Inggeris.

This 6-foot-long picul scale (1 pikul equals 60.478982 kilogrammes) is made from a long hardwood stick and inlaid with copper measurement marks. Its usage involves horizontally placing the rod across the shoulder to function as a fulcrum. The large hook at the end is used to hang the item to be weighed, and the weight is hung on the other hook. The item's weight will be determined after reading the copper measurement mark on the rod. This weighing instrument is used to weigh commodities such as coffee and rice. The picul size was a significant unit of measurement during imperialist occupations such as the Portuguese, Dutch and British.



Penimbang Kati 2.4 kaki

2.4-Foot-Long Catty Scale

Penimbang kati (1 kati bersamaan 604.79 gram) sepanjang 2.4 kaki ini diperbuat daripada batang kayu keras yang panjang dan bertatahkan tanda ukuran tembaga. Cara penggunaannya ialah batang diangkat secara melintang dan berfungsi sebagai fulkrum. Cangkuk besar di bahagian hujung digunakan untuk menggantung barang yang hendak ditimbang dan pemberat digantung pada cangkuk yang lain. Berat barangan akan ditentukan selepas membaca tanda ukuran tembaga pada batang. Instrumen Da ching (timbangan dalam bahasa Melayu Baba Nyonya) ini digunakan di dapur dan pantri etnik Peranakan untuk menimbang bahan makanan atau masa sejak penghujung abad ke-19.

This 2.4-foot-long catty scale (1 kati equals 604.79 grammes) is made from a long hardwood bar with copper measuring marks. Its usage involves the bar being lifted horizontally, functioning as a fulcrum. The large hook at the end is used to hang the item to be weighed, and the weight is hung on the other hook. The item's weight will be determined after reading the copper measurement mark on the rod. This scale (Da ching in the Baba Nyonya Malay dialect) has been used in Peranakan ethnic kitchens and pantries to weigh food or time since the end of the 19th century.



Penimbang Kati 1.5 Kaki

1.5-Foot-Long Catty Scale

Penimbang kati (1 kati bersamaan 604.79 gram) sepanjang 1.5 kaki ini diperbuat daripada batang kayu keras yang panjang dan bertatahkan tanda ukuran tembaga. Cara penggunaannya ialah batang diangkat secara melintang dan berfungsi sebagai fulkrum. Cangkuk besar di bahagian hujung digunakan untuk menggantung barang yang hendak ditimbang dan pemberat digantung pada cangkuk yang lain. Berat barangan akan ditentukan selepas membaca tanda ukuran tembaga pada batang. Instrumen Da ching (timbangan dalam bahasa Melayu Baba Nyonya) ini digunakan di dapur dan pantri etnik Peranakan untuk menimbang bahan makanan atau masakan sejak penghujung abad ke-19.

This 1.5-foot-long catty scale (1 catty equals 604.79 grammes) is made from a long hardwood bar and is inlaid with copper measurement marks. Its usage involves lifting the bar horizontally, functioning as a fulcrum. The large hook at the end is used to hang the item to be weighed, and the weight is hung on the other hook. The item's weight will be determined after reading the copper measurement mark on the rod. This scale (Da ching in the Baba Nyonya Malay dialect) has been used in Peranakan kitchens and pantries to weigh food or cooking ingredients since the end of the 19th century.



Penyukat Gantang

The Bushel Measuring Tool

Penyukat gantang merupakan salah satu instrumen untuk menyukat. Gantang yang diperbuat daripada aloi atau logam memiliki saiz yang lebih besar berbanding penyukat jenis leng dan cupak. Kaedah sukatan bagi sebuah gantang bersamaan dengan empat cupak atau lapan leng. Alatan gantang ini digunakan untuk menyukat barangan runcit seperti beras di mana segantang beras berkapasiti 3.6 kilogram.

The gantang is a measurement tool. It is made of alloy or metal and is bigger than the leng and cupak (chupa). One gantang is equivalent to four cupaks or eight lengs. The gantang measurement tool measured grocery items such as rice, where one gantang of rice equals 3.6 kilogrammes.



Penyukat Minyak

Oil Measuring Cup

Alat menyukat minyak masak berbentuk kole atau cawan besi yang bertangkai. Alat ini mempunyai saiz yang berbeza-beza bagi menentukan ukuran sukatan minyak mengikut sistem liter.

A tool for measuring cooking oil is a steel mug or an iron cup with a handle. This tool has different sizes to determine the measurement of oil in litres.

Penimbang Salter

Salter Scale



Penimbang besi jenis spring berkapasiti 10 kilogram X 50 gram (bersamaan 16 kati (9.67664 kilogram) X 1 tahil (37.7994 gram) buatan Salter Housewares (Inggeris). Ia dipercayai buatan tahun 1950-an. Penimbang ini berketinggian 12.5 inci, mempunyai tapak penimbang berdiameter 7 inci dan mempunyai permukaan ukuran timbang jenis tembaga berdiameter 5.5 inci. Penimbang ini dilengkapi dulang timah berukuran 10.5 inci X 7.5 inci. Fungsi neraca ini adalah untuk menimbang barang-barangan dapur.

A spring-type iron scale with a capacity of 10 kilograms X 50 grams (equivalent to 16 kati (9.67664 kilogrammes) X 1 tahil (37.7994 grammes) made by Salter Housewares (England). It is believed to be made in the 1950s. This scale is 12.5 inches tall and has a 7-inch diameter weighing base and a 5.5-inch brass-type weighing surface. This scale has a tin tray measuring 10.5 inches X 7.5 inches. The function of this scale is to weigh items in the kitchen.

Penimbang Tangan

Hand Weighing



Penimbang ini digunakan untuk menimbang barangan kecil seperti syiling , emas , perak , berlian dan juga dalam penggunaan apotekari (herba).

This scale is used to weigh small items such as coins, gold, silver, diamonds and also in apothecary use (herbs)

Penimbang mekanikel jenis platform buatan Fairbanks Scales (Amerika Syarikat) sederhana ini mempunyai lengan dan keseimbangan yang sama panjang atau sifar dengan berat yang sama di setiap sisi. Timbangan berkadar mempunyai lengan panjang yang tidak sama sehingga sudut yang lebih kecil dapat menyeimbangkan objek yang ditimbang. Peraturan tuas sederhana dikenakan dan Sliding poise digerakkan di sepanjang beam yang dikalibrasi yang ditandakan pada unit terkecil yang terpakai iaitu dari 0 lb. hingga maksimum 300 lb. (bersamaan 136.078 kilogram). Penimbang ini dicipta sekitar penghujung abad ke-19 dan memasuki awal abad ke-20. Penimbang ini sering digunakan bagi kegunaan industri domestic.

This simple platform-type mechanical scale made by Fairbanks Scales (USA) has arms and balances of equal length or zero, with equal weight on each side. Proportional scales have arms of unequal length so that a smaller angle can balance the object being weighed. A simple lever rule is applied, and the sliding poise is moved along a calibrated beam marked in the smallest unit applicable from 0 lb. to a maximum of 300 lbs. (equivalent to 136.078 kilogrammes). These scales were invented around the end of the 19th century and the beginning of the 20th century. This scale is often used for domestic industrial use.



Penimbang Platform (Getah dan Padi)

"Platform Weighing Scale (Rubber and Paddy)"